

D.R. 28/2005

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2005.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang telah ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 7

2. Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [*Akta 225*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 7 dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

Rang Undang-Undang

"(5) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), (2), (3) dan (4), Majlis boleh, dengan kelulusan Menteri, mengelolakan apa-apa pperiksaan, selain peperiksaan tertentu, dan semua perkara lain yang perlu atau bersampingan dengan peperiksaan itu, bagi mana-mana orang, badan, organisasi, institusi atau pihak berkuasa di dalam atau di luar Malaysia.

(6) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini atau perenggan 69(4)(b) Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*], mana-mana orang, badan, organisasi, institusi atau pihak berkuasa di dalam atau di luar Malaysia tidak boleh mengelolakan apa-apa peperiksaan, selain peperiksaan tertentu yang berhubungan dengan perkara akademik, tanpa suatu kelulusan bertulis Pengarah Peperiksaan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 69(1) Akta Pendidikan 1996."

Pindaan seksyen 12A

3. Subseksyen 12A(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "seksyen 12" dengan perkataan "seksyen 16".

Pindaan seksyen 26

4. Subseksyen 26(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan "peperiksaan tertentu" dengan perkataan "peperiksaan yang dikelolakan oleh Majlis".

Pindaan seksyen 28

5. Subseksyen 28 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "peperiksaan tertentu" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "peperiksaan yang dikelolakan oleh Majlis"; dan
- (b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "peperiksaan tertentu" dengan perkataan "peperiksaan yang dikelolakan oleh Majlis".

Pemotongan seksyen 30

6. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 30.

Pindaan seksyen 31

7. Perenggan 31 (d) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "peperiksaan-peperiksaan tertentu" dengan perkataan "mana-mana peperiksaan yang dikelolakan oleh Majlis".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 ("Akta 225").

2. *Fasal 1* Rang Undang-Undang ini mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 7(5) dan (6) ke dalam Akta 225. Subseksyen (5) yang dicadangkan bertujuan untuk membenarkan Majlis, dengan kelulusan Menteri, mengelolakan peperiksaan lain sebagai tambahan kepada peperiksaan tertentu manakala subseksyen (6) yang dicadangkan memperuntukkan bahawa kelulusan Pengarah Peperiksaan hendaklah diperoleh jika Majlis mengelolakan peperiksaan lain sebagai tambahan kepada peperiksaan tertentu yang berhubungan dengan perkara akademik.
4. *Fasal 6* bertujuan untuk memotong seksyen 30 Akta 225. Seksyen itu tidak lagi diperlukan kerana Mahkamah Sesyen sekarang mempunyai bidang kuasa penuh terhadap kesalahan di bawah Akta 225.
5. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda perenggan 3(d) Akta 225 untuk membenarkan Majlis menetapkan fi atau caj berkenaan dengan peperiksaan yang dikelolakan oleh Majlis.
6. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2386]